

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB YB DATUK SERI DR. S.SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN CHONG CHIENG JEN**  
**[ BANDAR KUCHING ]**  
**TARIKH : 29 MAC 2018**  
**SOALAN : 16**

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah perbelanjaan pembangunan dan pengurusan Kementerian Kesihatan yang telah diperuntukkan di Sarawak dalam tahun 2017. Apakah peratusan angka ini berbanding dengan keseluruhan perbelanjaan Kementerian dalam tahun 2017.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Dalam Bajet Persekutuan 2017, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak **RM260.8 bilion**, iaitu sebanyak **RM214.8 bilion** untuk perbelanjaan mengurus dan sebanyak **RM46 bilion** untuk perbelanjaan pembangunan.

Daripada jumlah tersebut, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah diperuntukkan sebanyak **RM24.8 bilion** atau **9.5%** daripada keseluruhan Bajet Persekutuan. Sebanyak **RM23.46 bilion** telah diperuntukkan untuk perbelanjaan mengurus dan sebanyak **RM1.34 bilion** untuk perbelanjaan pembangunan.

14

Daripada jumlah peruntukan tersebut, sebanyak **RM2.2 bilion atau 9.4%** daripada peruntukan mengurus KKM (RM23.46 bilion) telah dibelanjakan di Negeri Sarawak. Manakala sebanyak **RM65.9 juta atau 4.9%** daripada peruntukan pembangunan KKM (RM1.34 bilion) telah dibelanjakan di Negeri Sarawak. Dengan ini, jumlah keseluruhan perbelanjaan Kementerian Kesihatan di Negeri Sarawak pada tahun 2017 adalah sebanyak **RM2.27 bilion atau 9.2%** daripada jumlah keseluruhan peruntukan KKM (RM24.8 bilion).